

Pelaksanaan *Reader's Theatre* dalam Kursus Bahasa Arab: Penambahbaikan dan Buku Panduan Praktikal

Kod Projek: PTS-065 - 2010

¹Salmah Ahmad (Ketua Projek), ^{1,2}Eeman Muhammad Abbas, ¹Hakim Zainal, ^{1,2}Kaseh Abu Bakar,
¹Maheram Ahmad & ¹Md. Nor Abdullah

¹Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam

²Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Pendidikan di Malaysia ialah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani, berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.”- Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Falsafah Pendidikan Kebangsaan menunjukkan bahawa hasrat kerajaan dalam sektor pendidikan di negara ini adalah untuk melahirkan modal insan yang seimbang dalam segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Bagi mencapai matlamat ini penekanan dalam aspek penyampaian ilmu melalui pemilihan kaedah yang sesuai dalam pembelajaran adalah perlu agar pelajar dapat dibentuk sempurna dalam semua segi dan mampu keluar sebagai seorang individu yang mampu menongkah arus globalisasi apabila berada dalam pasaran kerja kelak. Selaras dengan itu, Readers’ Theatre telah diperkenalkan sebagai salah satu teknik dalam pembelajaran bahasa.

Readers’ Theatre ialah sejenis pementasan drama di mana pelakornya membaca skrip, dan tidak perlu menghafalnya. Perbincangan dan kupasan mendalam berkaitan penggunaan Readers’ Theatre dalam pembelajaran telah dilakukan oleh pelbagai sarjana dan ilmuwan kontemporari seperti Soetrisman (1984), Waluyo.(2003), Sun (2003), Yahya Rafi’ (2004) memaparkan kajian Readers’ Theatre dari aspek persembahan, pengajaran dan bahasa. Sementara itu, Crumpler, T., & Schneider, J. J. (2002) turut menonjolkan peranan Readers’ Theatre dalam penambahan perkataan dan mengindahkan penulisan dan percakapan. Malah penelitian para pengkaji kontemporari seperti Soetrisman (1984), membuktikan bahawa penglibatan dalam readers’ theatre berkesan dalam meningkatkan keyakinan, motivasi dan kecekapan pelajar dalam bacaan lantang dan kefahaman teks bacaan serta mengasah kemahiran lisan. Readers’ Theatre juga meraikan kepelbagaian individu yang ada pada pelajar dari aspek multiple intelligence kerana penghasilannya melibatkan pergerakan, persembahan lisan, muzik, ruang dan interaksi sosial. Selain itu, penggunaan Readers’ Theatre menjadikan pembacaan lantang suatu aktiviti yang lebih bermakna,

authentic, kreatif dan menyeronokkan kerana melibatkan persembahan sebenar di hadapan penonton, disamping mengukuhkan kesemua sistem asas linguistik Arab dari sudut sebutan, intonasi, sarf, nahu dan makna, serta meningkatkan keyakinan diri pelajar untuk berinteraksi dengan teks.

Dari sini dapat dilihat bahawa Readers' Theatre merupakan sebahagian daripada teknik pembelajaran di Fakulti Pengajian Islam, UKM. Readers' Theatre telah diamalkan sebagai suatu aktiviti pembelajaran serta penilaian dalam kursus PZ6013 dan PZ6023 sejak semester 1 tahun 2008-2009 bagi mengukuhkan kemahiran bacaan Arab pelajar pascasiswazah bukan Arab. Namun, setakat ini terdapat beberapa masalah dalam keberkesanan pelaksanaannya seperti: masalah logistik melibatkan ruang persembahan, ketidaksusuaian mikrofon dan rakaman, ketidaktahuan sebilangan pelajar dan pengajar tentang kepentingan dan intipati readers' theatre, ketidakpatuhan kepada pelaksanaan dan penilaian, pemilihan teks persembahan. Sehubungan itu, penyelidikan ini dilakukan dengan memberi penelitian terhadap penggunaan readers' theatre dalam pembelajaran kursus PZ6013 dan PZ6023 peringkat siswazah secara khusus dan diperdalam serta diperhalusi bagi melihat semula kekuatan dan kelemahan pelaksanaan readers' theatre selama ini, serta melaksanakan beberapa tindakan penambahbaikan dan juga menilai keberkesanan penambahbaikan yang dilaksanakan, serta menghasilkan handbook+CD praktikal bagi pelaksanaan readers' theatre sebagai aktiviti pembelajaran dan penilaian yang lebih berkesan untuk penguasaan bahasa. Handbook ini dijangka dapat dimanfaatkan oleh lain-lain program dan kursus bahasa.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenal pasti secara terperinci kekuatan dan kelemahan pelaksanaan readers' theatre selama ini
2. Melaksanakan beberapa tindakan penambahbaikan
3. Menilai keberkesanan penambahbaikan yang dilaksanakan
4. Menghasilkan handbook + CD praktikal bagi pelaksanaan readers' theatre

METODE KAJIAN

1. Kajian kualitatif (kaedah analisis dokumen): merujuk sumber sekunder berkaitan teknik pembelajaran menggunakan Readers' Theatre dalam pengajaran bahasa Arab.
2. Kaedah temu bual: dengan pengajar dan pelajar siswazah yang terlibat dengan kursus PZ6013 di Fakulti Pengajian Islam Universiti Kebangsaan Malaysia. bagi mendapatkan respon dan pandangan mengenai penggunaan Readers' Theatre dalam pembelajaran bahasa serta melaksanakan tindakan penambahbaikan yang dicadangkan, di samping merakam persembahan readers' theatre dan menilainya.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Buku karangan Mutwalli, *Asasiyyat al-manhaj fi al-tufulah al-mubakkirah* diterbitkan pada tahun 2003 oleh Dar al-Fikr li al-Tiba'ah wa al-Nashr wa al-Tawzi' di Jordan. Fokus

utama dalam buku ini adalah mengenai pebelajaran menggunakan lakonan adalah cara pembelajaran terkini yang paling terbaik digunakan, bermula dari peringkat pra sekolah.

Dalam konteks pengukuhan bahasa Arab dalam kalangan pelajar siswazah di Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, pengajaran dan pembelajaran perlu memberi fokus kepada aplikasi secara praktikal terhadap strategi membaca, interaksi individu dan kumpulan dengan teks, penggunaan kamus sebagai sumber untuk pemahaman dan pengayaan perbendaharaan kata secara sendiri. Kedua-dua bacaan secara intensif dan ekstensif untuk kefahaman ditekankan. Penumpuan juga diberikan kepada aspek membaca dengan kuat untuk pembelajaran bahasa Arab (Larkin 1995). Pembacaan dengan kuat dilaksanakan melalui aktiviti *Reader's Theatre* menggunakan teks sastera (Noble 1976; Koziol & Richards, 1996). Pembacaan Teater ini memberikan penumpuan terhadap tatabahasa, aplikasi praktikal morfologi asas bahasa Arab dan tatabahasanya untuk membantu kefahaman dan cara penggunaan kamus. Walaupun penekanan terhadap i'rab sangat ditekankan dalam kelas pengajaran bahasa Arab tradisional, namun, ia diberikan penekanan yang sangat minima, kerana peranannya dalam pemahaman boleh diabaikan dan terkadang ia boleh menghalang kefahaman (Khaldieh, 2001).

Jadual 1: Persepsi Terhadap *Reader's Theatre*

Bil	Item	Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Tidak Pasti	Setuju	Sangat Setuju	Mean	Std. Deviat ion
1	Aktiviti Reader's Theatre tingkat keyakinan memahami teks Arab	1	0	2	22	13	4.2105	.77661
2	Aktiviti Reader's Theatre membaiki sebutan bahasa Arab	1	0	3	18	16	4.2632	.82803
3	Aktiviti Reader's Theatre tingkat kelancaran membaca teks secara lantang	1	0	2	18	17	4.3158	.80891
4	Aktiviti Reader's Theatre tingkat kemahiran mengaplikasi pengetahuan morfologi	1	0	6	16	15	4.1579	.88612
5	Aktiviti Reader's Theatre tingkat kemahiran mengaplikasi pengetahuan tatabahasa	1	0	3	20	14	4.2105	.81067
6	Aktiviti Reader's Theatre membaiki intonasi	1	0	2	21	13	4.2162	.78652
7	Aktiviti Reader's Theatre tingkat minat membaca teks Arab	1	0	1	20	16	4.3158	.77478
8	Aktiviti Reader's Theatre tingkat minat kepada bahasa Arab	1	0	3	19	15	4.2368	.81983
9	Tempat dijalankan aktiviti Reader's Theatre sesuai	1	1	8	18	10	3.9211	.91183

10	Peluang membuat latihan aktiviti Reader's Theatre mencukupi	1	4	9	15	9	3.7105	1.03735
11	Alat mikrofon adalah mencukupi	1	4	5	17	10	3.8378	1.04119
12	Ingin membeli rakaman persembahan untuk tujuan penambahbaikan	1	1	5	18	13	4.0789	.91183

Jadual 1 meringkaskan respon pelajar kepada aktiviti Readers Theatre. Dapatan menunjukkan bahawa aktiviti pengajaran telah meningkatkan mutu sebutan, kefasihan dan intonasi mereka membaca teks Arab. Ia juga telah meningkatkan keyakinan mereka untuk memahami ayat-ayat bahasa Arab dan meningkatkan keupayaan mereka untuk mengaplikasi ilmu morfologi dan tatabahasa. Mereka juga menyatakan minat untuk mendapatkan suatu salinan rakaman lakonan mereka bagi tujuan peningkatan diri. Walau bagaimanapun, pelajar menyatakan persetujuan bahawa terdapat kekurangan pada perkara yang berkaitan dengan logistik, iaitu tempat dan kemudahan mikrofon. Keputusan ini menunjukkan bahawa Readers Theatre telah menjadi alat yang berguna dan berkesan untuk aktiviti membaca lantang-merangkap-kefahaman dan untuk meningkatkan keyakinan pelajar dalam membaca. Penambahbaikan di masa depan perlu melihat kepada aspek logistik seperti tempat persembahan, penggunaan mikrofon yang sesuai untuk persembahan teater dan adanya rakaman berkualiti.

Aspek yang perlu penambahbaikan

Ia adalah jelas daripada dapatan di atas bahawa pelajar berpuas hati dengan objektif kursus, kandungan kursus, pengajaran, pengalaman pembelajaran dan penilaian. Kepuasan yang lebih rendah secara relatif berhubung dengan perkara-perkara logistik untuk Readers Theatre tidak menghalang pencapaian hasil yang diharapkan. Walau bagaimanapun, penyelidik percaya bahawa logistik dan kemudahan yang lebih baik boleh menjadikan pelajar menjalankan aktiviti secara lebih serius dengan persediaan dan prestasi yang lebih baik. Dengan merujuk kepada peningkatan persepsi, peningkatan dalam tatabahasa adalah agak lebih rendah berbanding dengan perkara-perkara lain. Salah satu sebabnya ialah berkemungkinan pelajar telah belajar tatabahasa secara terperinci dalam pengalaman mereka yang lalu, sedangkan dalam pembelajaran semasa, sangat sedikit aspek tatabahasa ditekankan dan terhad kepada aspek-aspek yang penting yang membawa nilai komunikatif teks. Dapatan juga membayangkan bahawa terdapat juga keperluan untuk mengkaji sebab-sebab yang mendasari peningkatan yang sedikit dirasai oleh sesetengah pelajar. Antara Faktor kurang kesediaan untuk menjadikan bentuk pengajaran berpusatkan pelajar dan autonomi pembelajaran (Cotterall, 1995) ialah kaedah pengajaran yang tidak konsisten, kurang motivasi (Dornyei, 2001) atau terdapat tahap keupayaan yang berbeza di dalam kelas.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Penerbitan (Buku)

1. Buku *Panduan Praktikal Pelaksanaan Readers' Theatre* untuk pembelajaran bahasa. Ia meliputi panduan terperinci untuk persediaan, pelaksanaan dan penilaian bagi memacu perkembangan kemahiran bacaan pelajar (dalam proses penyediaan dan penerbitan).

Persidangan/Bengkel

1. New Directions Assessment and Evaluation Seminar. *Assessment and Evaluation: New Directions*. 6 -8 Julai 2011. University of Nottingham, Kuala Lumpur Teaching Center. Anjuran British Council Kuala Lumpur.

Modal Insan (Pembantu Penyelidik)

1. Mohd Irman Mohd Abd Nasir

PERBELANJAAN

:: Maklumat Kewangan Penyelidikan								
Kod Penyelidikan : PTS-2011-106								
Sehingga Tarikh : 16/03/2012								
VOTE	Agihan	Tambah / Kurang	Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki	
2011	Disember							
V00000	Miscellaneous	12,000.00	0.00	0.00	12,000.00	0.00	0.00	12,000.00
V26000	Research Materials & supplies	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	2,699.00	-2,699.00
V29000	Special Services	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00	5,945.00	-5,945.00
Jumlah Bagi Tahun : 2011		12,000.00	0.00	0.00	12,000.00	0.00	8,644.00	3,356.00
Jumlah Keseluruhan :		12,000.00	0.00	0.00	12,000.00	0.00	8,644.00	3,356.00

RUJUKAN

- Abdul Rahman Napiah. 1987. *Drama Moden Malaysia: Perkembangan dan Perubahan*. K. Lumpur: DBP
- Alber, S. R., & Foil, Carolyn R. (2003). *Drama activities that promote and extend your students' vocabulary proficiency*. "Intervention in School & Clinic", 39(1), 22-29.
- Azman Wan Chik. 1981. *Prinsip dan Kaedah Mengajar Kesusasteraan Melayu*, K.L: Utusan Publication & Distributors
- Azman Wan Chik. 1982. *Drama Melayu Melalui Sistem Pendidikan*, dalam Rahman Bujang (ed). *Drama Melayu 25 tahun*. K.L: DBP
- Countney, Richard. 1991. (terjemahan). *Lakon, Drama dan Pemikiran*. K. Lumpur: DBP
- Crumpler, T., & Schneider, J. J. (2002). *Writing with their whole being: A cross study analysis of children's writing from five classrooms using process drama*. "Research in Drama Education", 7(1), 61-79.
- Epstein, M. 2002. *Cinstruction*. <http://tiger.fowson.edu>
- Faziah Sulaiman. 1995. *Pengajaran Lisan melalui Drama*. K.Lumpur: Institut Bahasa.
- Faziah Sulaiman. 1995. *Drama Dalam Pendidikan Bahasa*. K. Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Faziah Sulaiman. 1995. *Drama Dalam Pendidikan Bahasa*. K. Lumpur: Bahagian Pendidikan Guru.
- Koziol, S.M. Jr. & Richards, L.A. *Basic informal drama exercises for active learning in the primary classroom: A practical handbook*. Sarajevo, Bosnia: UNICEF

- Larkin, M. 1995. The role for close reading in the elementary Arabic curriculum. In M. Al-Batal (ed.) *The teaching of Arabic as a foreign language: Issues and directions* (pp. 157-173). Provo: American Association of Teachers of Arabic.
- Mana Sikana. 1985. *Kaedah Kajian Drama*. K. Lumpur: Karya Bestari.
- Noble, J.A. 1976. Readers Theatre: Oral reading with purpose. ED Reproduction No. 177519. www.eric.ed.gov/EricWebPortal.
- Soetrisman. 1984. *Drama Formal Dan Teater remaja*. Yogyakarta: PT Hanindita
- Sun, Ping-Yun. 2003. *Using Drama and Theatre To Promote Literacy Development: Some Basic Classroom Applications*. ERIC Identifier:ED477613
- Waluyo, Herman. 2003. *Drama Teori dan Pengajarannya*. Yogyakarta: PT Hanindita Graha Widya.
- Yahya Rafi'. 2004. *al-Masrah li al-Tifl Ta'lim wa Ta'allum*.
<http://www.adabatfal.com/modules.php?name=News&file=article&sid=523#>
- Zainal Abdul Latif. 1989. *Bentuk Teater yang sesuai untuk Pendidikan masa kini*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Drama Dalam Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, Serdang, 14-15 Oktober.